

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 1.12.2015

SOALAN :

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status semasa penguasaan 3 bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin ini dan apakah langkah dan strategi yang diambil untuk penguasaan ketiga-tiga bahasa ini mampu dicapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratus calon yang lulus Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2014 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Pemahaman) dan Bahasa Melayu (Penulisan) masing-masing 94.0 peratus dan 89.0 peratus. Manakala peratus lulus Bahasa Inggeris ialah 79.5 peratus. Bagi mata pelajaran Bahasa Cina (Pemahaman) pula ialah 87.8 peratus dan Bahasa Cina (Penulisan) 85.0 peratus.

Di peringkat menengah pula, maklumat tentang peratus calon yang lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2014 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu ialah 91.1 peratus. Bagi mata pelajaran

Bahasa Inggeris ialah 77.2 peratus. Manakala peratus lulus bagi mata pelajaran Bahasa Cina pula 93.2 peratus.

Bagi meningkatkan penguasaan ketiga-tiga bahasa dalam kalangan murid sekolah rendah dan sekolah menengah, KPM sedang melaksanakan beberapa langkah dan strategi, di antaranya :

1. Penggubalan kurikulum berdasarkan keperluan semasa, selain mengambil kira pengalaman, latar belakang dan tahap penguasaan murid yang berbeza seperti tertera dalam SOP pembinaan kurikulum.
2. Kurikulum Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) digubal menggunakan pendekatan modular dan berfokus kepada satu-satu kemahiran bahasa (kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis) pada satu-satu waktu PdP. Melalui pendekatan kurikulum modular, penguasaan asas kemahiran berbahasa murid diperkukuh di samping memberi fokus kepada didik hibur dan seni bahasa dalam PdP bahasa.
3. Standard kandungan dan standard pembelajaran kemahiran bahasa yang relevan menyerapkan kemahiran abad ke-21 seperti kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran kerja berpasukan serta menggalakkan perkembangan sahsiah murid yang holistik dan seimbang, kompeten, kreatif, inovatif dan berakhlak mulia. Kurikulum bahasa negara lain dan CEFR dijadikan penanda aras bagi penggubalan.